

***PLACENESS BAGI PASAR BESAR DAN BAZAR DI KAMPUNG JAWA,  
MELAKA***

**AHMAD AMZAR BIN ABDULLAH**

**Disertasi ini dikemukakan sebagai  
memenuhi sebahagian daripada syarat  
penganugerahan Sarjana Sains (Rekabentuk Bandar)**

**Fakulti Alam Bina  
Universiti Teknologi Malaysia**

**JUN 2012**

## **DEDIKASI**

SETULUS IKHLAS BUAT;

.....Untuk ibubapa yang tersayang.....

Untuk adik-adikku dan orang tersayang.....  
terima kasih kerana memberi sokongan dan dorongan.....

Terima kasih atas segala-galanya.....

## PENGHARGAAN

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah kurnia-Nya, akhirnya saya dapat menyiapkan kajian ini. Dengan kesempatan ini saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada mereka atas jasa yang tidak terhingga terutamanya kepada penyelia disertasi saya iaitu Dr. Ismail Bin Said kerana beliau banyak meluangkan masa beliau demi menghulurkan bantuan dan tunjuk ajar kepada saya. Terima kasih atas segala nasihat, bimbingan dan tunjuk ajar yang telah diberikan.

Terima kasih yang tidak terhingga juga kepada kedua ibubapa saya kerana mereka sentiasa memberi sokongan moral dan berdoa untuk kejayaan saya. Tidak lupa juga kepada rakan-rakan seperjuangan yang banyak membantu secara langsung atau tidak langsung dalam menyiapkan disertasi ini dengan jayanya.

Akhir sekali, terima kasih juga kepada semua individu yang telah memberi kerjasama dan bantuan masing-masing dalam menyumbangkan pandangan dan memberikan tunjuk ajar serta nasihat kepada saya sepanjang tempoh kajian ini.

Sekian, terima kasih.

## ABSTRAK

Kebelakangan ini, identiti tempat dan pengertian sesebuah tempat menjadi isu yang penting dalam psikologi persekitaran, seni bina, arkitek, perancangan bandar dan rekabentuk bandar. Perubahan dan kehilangan ciri fizikal daripada perkembangan bandar yang semakin pesat membangun menyebabkan ada elemen fizikal yang bernilai telah hilang dan digantikan dengan suatu elemen yang lain yang tidak memberi makna kepada penduduk. Oleh sebab itu, tempat-tempat yang mempunyai nilai yang signifikan ini perlu dipelihara dan dijaga agar interaksi penduduk yang telah lama wujud dapat dikekalkan. Disamping itu, tidak ada pendekatan dalam mengambil kira pandangan penduduk terhadap perubahan ke atas tempat kesukaan mereka akan memberi kesan terhadap pengertian dan perlekatan tempat. Pengalaman penduduk terhadap tempat memainkan peranan yang penting dalam kajian ini. Oleh hal yang demikian, kajian ini mengambil kira dua elemen fizikal yang penting terutama dalam bandar bersejarah iaitu pasar besar dan bazar dalam membentuk ikatan dengan penduduk. Soal selidik dan temubual telah dijalankan ke atas penduduk Kampung Jawa dengan 30 orang terlibat dalam soal selidik dan 12 orang terlibat dalam sesi temubual. Hasil respons daripada soal selidik dianalisis menggunakan SPSS (*Statistical Product and Services Solutions*) versi 16 manakala bagi temubual dianalisis menggunakan *content analysis*. Hasil daripada kajian ini tentang konsep tempat dan perlekatan tempat menunjukkan (a) pasar besar dan bazar merupakan elemen fizikal; (b) ciri-ciri fizikal dan kualiti sosial yang wujud; (c) pasar besar dan bazar sebagai tempat awam; dan (d) perubahan terhadap pasar besar dan bazar mengubah imej Kampung Jawa. Kajian ini menunjukkan penduduk mempunyai ikatan yang mendalam terhadap pasar besar dan bazar namun perubahan dan kehilangan karakter fizikal merupakan faktor yang menyebabkan berlakunya *placelessness* di Kampung Jawa. Kajian ini juga mendapati penduduk mahukan sebuah pasar baru untuk menggantikan pasar besar yang telah dirobohkan kerana mereka mempunyai perlekatan tempat yang tinggi terhadapnya. Oleh sebab itu, kajian ini memberi peluang kepada arkitek, arkitek lanskap dan jururancang dalam menghasilkan tempat yang lebih baik dalam mengambilkira hubungan antara penduduk dengan sesebuah tempat.

## ABSTRACT

Lately, place identity and meaning of a place become important issue in environment psychology, architecture, urban planning and urban design. Change and loss of physical characteristic from urban development that exponential developing has caused lost of valuable physical element and replaced with other elements that do not give meaning to people. Hence, places that have significant value need to be preserved and taking care so that people interaction that existed can be maintained. In addition, there is no approach in considering local resident's opinion to change on their preferred place would affect on meaning and place attachment. People experience on place play important role that is important in this study. Therefore, this study considered two physical elements that are important especially in historic town which are municipal market and bazaar in forming bond with the people. Questionnaires and interviews were being conducted on residents of Kampung Jawa with 30 respondents involved in questionnaires and 12 participants involved in interviews session. The results from the survey questionnaire were analyzed using the SPSS (Statistical Product and Services Solutions) version 16 and for interview were analyzed using content analysis. The result from studies on place concept and place attachment shows (a) municipal market and bazaar is physical element; (b) physical properties and social attributes that exist; (c) municipal market and bazaar as public place; and (d) change on municipal market and bazaar change the image of Kampung Jawa. This study shows residents have developed deep attachment to municipal market and bazaar, however, change and loss of physical character are factors that caused placelessness in Kampung Jawa. This study also shows that residents want a new market to replace municipal market that was demolished because they have greater place attachment towards this element. Hence, this study gives opportunity to architects, landscape architects and planners in creating better place in take into account relationship between people with a place.

## SENARAI KANDUNGAN

<b>BAB</b>	<b>PERKARA</b>	<b>MUKA SURAT</b>
	<b>PENGHARGAAN</b>	<b>iv</b>
	<b>ABSTRAK</b>	<b>v</b>
	<b>ABSTRACT</b>	<b>vi</b>
	<b>SENARAI KANDUNGAN</b>	<b>vii</b>
	<b>SENARAI JADUAL</b>	<b>xi</b>
	<b>SENARAI RAJAH</b>	<b>xii</b>
	<b>SENARAI LAMPIRAN</b>	<b>xiii</b>
<b>BAB 1</b>	<b>PENDAHULUAN</b>	<b>1</b>
	1.1 Latar Belakang Kajian	1
	1.2 Pernyataan Masalah	2
	1.3 Lopong Kajian	4
	1.4 Matlamat Kajian	4
	1.5 Objektif Kajian	4
	1.6 Persoalan Kajian	5
	1.7 Skop Kajian	5
	1.8 Batasan Kajian	6
	1.9 Kaedah Kajian	6
	1.10 Struktur Disertasi	8
	1.11 Kesimpulan	9

<b>BAB 2</b>	<b>KAJIAN LITERATUR</b>	<b>10</b>
2.1	Pengenalan	10
2.2	Definisi dan Konsep Tempat	11
2.3	Karakter dan <i>Identity of Place</i>	13
2.4	Tempat Awam dan Ruang Awam	14
2.5	Perlekatan Tempat ( <i>Place Attachment</i> )	16
2.5.1	Dimensi Perlekatan Tempat	18
2.5.1.1	<i>Place Identity</i>	18
2.5.1.2	<i>Place Memory</i>	19
2.5.1.3	<i>Place Dependence</i>	19
2.5.1.4	<i>Place Rootedness</i>	20
2.5.1.5	<i>Place Satisfaction</i>	21
2.5.1.6	<i>Place Familiarity</i>	21
2.5.1.7	<i>Place Belongingness</i>	22
2.5.1.8	<i>Place Connectedness</i>	22
2.6	Rumusan	23
2.7	<i>Placeness</i>	25
2.8	<i>Placelessness</i>	27
2.9	Kesimpulan	29
<b>BAB 3</b>	<b>METODOLOGI KAJIAN</b>	<b>31</b>
3.1	Pengenalan	31
3.2	Kaedah Kajian Kes	32
3.2.1	Tinjauan Tapak	33
3.2.2	Kajian Soal Selidik dan Temubual	33
3.2.3	Kajian Semula Kajian Terdahulu	34

3.2.4	Pembolehkan Kajian	34
3.3	Kriteria Pemilihan Kawasan Kajian Kes	35
3.4	Kajian Kes: Kampung Jawa, Melaka	36
3.5	Latarbelakang Sejarah	38
3.6	Rumusan	41
<b>BAB 4</b>	<b>ANALISIS, PENEMUAN, PERBINCANGAN &amp; CADANGAN</b>	<b>42</b>
4.1	Pengenalan	42
4.2	Analisis, Penemuan dan Perbincangan	43
4.2.1	Profil Responden dan Interaksi Terhadap Pasar Besar dan Bazar	43
4.2.2	<i>Place Attachment</i> Terhadap Pasar Besar dan Bazar	47
4.2.2.1	<i>Place Identity</i>	47
4.2.2.2	<i>Place Memory</i>	51
4.2.2.3	<i>Place Dependence</i>	52
4.2.2.4	<i>Place Rootedness</i>	53
4.2.2.5	<i>Place Satisfaction</i>	55
4.2.2.6	<i>Place Familiarity</i>	56
4.2.2.7	<i>Place Belongingness</i>	58
4.2.2.8	<i>Place Connectedness</i>	59
4.3	Perubahan dan Kehilangan Ciri Fizikal Kampung Jawa	60
4.4	Rumusan Keseluruhan Penemuan	62
4.4.1	Pasar Besar dan Bazar Sebagai Elemen Fizikal Tradisional di Kampung Jawa	62
4.4.2	Kepentingan Ciri-Ciri Fizikal dan Kualiti Sosial bagi Pasar Besar dan Bazar	62
4.4.3	Pasar Besar dan Bazar Sebagai Tempat Awam	63



4.4.4	Perubahan Terhadap Pasar Besar dan Bazar Mengubah Imej Kampung Jawa	64
4.5	Kesimpulan	64
	<b>RUJUKAN</b>	<b>68</b>

**SENARAI JADUAL**

<b>NO. JADUAL</b>	<b>TAJUK</b>	<b>MUKA SURAT</b>
2.1	Kajian karakter bandar dan interaksi masyarakat	23
2.2	Rumusan lapan dimensi <i>place attachment</i>	24
3.1	Pembolehkan kajian	35
4.1	Latarbelakang responden di Kampung Jawa	44
4.2	Perincian kependudukan responden	44
4.3	Kunjungan responden ke bazar	46
4.4	Perasaan terhadap tempat bagi pasar besar	48
4.5	Perasaan terhadap tempat bagi bazar	49

## SENARAI RAJAH

NO. RAJAH	TAJUK	MUKA SURAT
1.1	Carta alir kaedah kajian	7
2.1	Gambarajah deria rasa tempat untuk konteks interaksi setempat	23
3.1	Kajian kes dan kaedah kajian yang dijalankan	32
3.2	Kawasan zon teras, zon penampunan dan kawasan kajian	36
3.3	Jalan utama, jambatan bagi pejalan kaki, pasar besar dan bazar di Kampung Jawa	37
3.4	Aktiviti nelayan yang dapat dilihat pada 1990an	38
3.5	Situasi sekarang yang sudah hilang aktiviti nelayan dan digantikan dengan bot <i>river cruise</i> untuk tujuan pelancongan	39
3.6	Pasar besar yang mula beroperasi pada 1875 (kiri) dan keadaan sekarang hanya digunakan sebagai kawasan tempat letak kereta apabila pasar besar ini dirobohkan pada 1988	40
3.7	Bazar di Kampung Jawa (kiri) dan aktiviti antara pembeli dan peniaga	40
3.8	Antara barangan jualan yang dijual di bazar	40
4.1	Memori terhadap pasar besar	52
4.2	Hubungan penduduk dengan pasar besar	55
4.3	Perasaan apabila pasar besar dirobohkan	56
4.4	Perkara pertama yang terlintas di fikiran apabila menyebut tentang pasar besar	57
4.5	Keadaan bazar selepas mengalami kebakaran	59
4.6	Inginkan tempat ini dibangunkan pada masa hadapan	60

**SENARAI LAMPIRAN**

<b>LAMPIRAN</b>	<b>TAJUK</b>	<b>MUKA SURAT</b>
A	Borang Soal Selidik	75

## **BAB 1**

### **PENDAHULUAN**

#### **1.1 Latar Belakang Kajian**

Banyak perubahan berlaku di Malaysia sejak tahun 1980an terutama pada era pemerintahan Perdana Menteri Malaysia Keempat iaitu Mahathir Mohamad dimana perubahan ketara yang berlaku merangkumi pembangunan infrastruktur di bandar-bandar utama di Malaysia seperti pembinaan Menara Berkembar Petronas dan Menara Kuala Lumpur (Shamsul Amri dan Mohamad Fauzi, 2007). Pelbagai rancangan pembangunan tahunan telah dijalankan bagi merealisasikan harapan negara Malaysia ke arah menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara maju menjelang wawasan 2020. Hal ini juga mengakibatkan bandar-bandar bersejarah seperti Melaka dan Georgetown menerima tempas dengan perkembangan aktiviti komersial dengan wujudnya blok-blok komersial yang bersaiz mega seperti Jusco, Mydin dan Tesco yang memberi kesan kepada peniaga-peniaga kecil tempatan yang sudah lama mereka mengusahakan perniagaan di kawasan tersebut (Majang, 2009).

Hal yang sedemikian mendorong berlakunya perubahan karakter ataupun identiti tempat (*place identity*) di mana ia merupakan suatu aspek warisan yang unik dan menghidupkan suasana sesuatu kawasan (Nor Zalina, 2011). Perkara ini memerlukan kesedaran dan perhatian semua pihak terutamanya pihak yang terlibat secara langsung dengan aktiviti pembangunan seperti jururancang, arkitek dan arkitek landskap agar sentiasa menitikberatkan perkara tersebut dalam merancang pembangunan setempat. Perkara yang paling penting perlu diberi perhatian adalah

mengambil kira perasaan penduduk setempat yang mempunyai perlekatan tempat (*place attachment*) yang kuat dengan elemen-elemen yang ada di kawasan mereka.

Setiap kawasan atau tempat mempunyai nilai keunikan yang tersendiri terutamanya bagi kawasan yang mempunyai sejarah dan warisan. Biasanya kawasan ini meninggalkan satu memori dan kenangan yang indah terutamanya wujud pelbagai aktiviti sosial yang memberi nilai yang besar kepada kawasan tersebut. Kewujudan persekitaran ini memberikan satu identiti dan seterusnya membantu dalam pembinaan 'sense of place' bagi sesuatu kawasan (Khalilah, 2006). Oleh itu, amatlah penting kita mengenalpasti identiti tempat dan mengukur tahap perlekatan tempat (*place attachment*) di sesuatu kawasan agar tidak hilang di telan zaman dengan kerakusan pembangunan yang lebih menggemarkan kepada kemodenan.

Identiti tempat (*place identity*) merupakan satu aspek yang melibatkan pengalaman manusia terhadap tempat yang mereka duduki yang seterusnya mempengaruhi kepada perlekatan tempat (*place attachment*) (Norsidah, 2007). Dalam hal ini, adalah penting dalam melihat sesuatu tempat dari segi fizikal, nilai dan interaksi sosial berbanding melihat kepada fungsi atau tujuan sesebuah bangunan. Bagi menunjukkan kesedaran tentang pentingnya pemeliharaan karakter dan identiti setempat, kajian ini akan mengemukakan tentang kepentingan perlekatan (*attachement*) di dalam menilai kualiti unik yang ada di Kampung Jawa berdasarkan kepada pengalaman dan kognitif tempat penduduk tempatan terhadap pasar besar dan bazar yang selama ini menjadi ikon kepada kawasan berkenaan.

## **1.2 Pernyataan Masalah**

Kelemahan identiti tempat (*place identity*) di kebanyakan bandar-bandar boleh dikaitkan dengan berkurangnya perlekatan tempat (*place attachment*) yang dihadapi oleh penduduk setempat (Norsidah, 2007). Namun begitu, kehilangan identiti sesuatu tempat juga boleh berlaku dengan berlakunya hilangnya perasaan terhadap sesuatu tempat (*placelessness*) yang merupakan istilah yang didefinisikan sebagai suatu tempat yang tiada sebarang kepentingan atau perlekatan dan maksud tempat yang

tidak lagi mempunyai apa-apa makna. Kegagalan untuk menyelamatkan kualiti yang ada pada sesuatu tempat akan memberi kesan kepada fizikal dan keharmonian yang telah wujud di kalangan penduduk.

Bagi menjelaskan masalah ini, Kampung Jawa merupakan contoh terbaik bagi menghuraikan tentang masalah yang berlaku kerana penduduk tempatan mempunyai perasaan yang kuat terhadap dua elemen fizikal yang terdapat di kawasan ini iaitu pasar besar dan juga bazar. Tambahan pula Kampung Jawa dikenali sebagai kawasan membeli-belah yang popular bagi bandaraya bersejarah Melaka dengan pembinaan pasar besar di kawasan ini pada lewat 1800an yang menjadi tempat kepada nelayan-nelayan memunggah hasil tangkapan mereka (Nadia *et al.*, 2011). Namun begitu keadaan ini perlahan-lahan berubah disebabkan oleh pasar besar telah dirobohkan pada tahun 1988 (Sandhu dan Wheatley, 1983) oleh pihak kerajaan negeri untuk dipindahkan ke tempat lain iaitu Melaka Sentral. Di samping itu juga, berlakunya kebakaran yang besar kepada tradisional bazar yang terdapat di Kampung Jawa pada 1990an. Ini menyebabkan perlekatan tempat (*place attachment*) penduduk tempatan terhadap dua elemen fizikal di sini sedikit sebanyak memberi kesan kepada kehilangan keperkaitan tempat (*place connectedness*), identiti tempat (*place identity*), pergantungan tempat (*place dependence*), kepuasan tempat (*place satisfaction*) dan *place rootedness*. Perkara-perkara ini menjadi menjadi faktor pendorong kepada kehilangan perasaan setempat (*placeness*) yang sebelum pasar besar dan juga bazar menjadi tempat awam (*public place*) terutama kepada penduduk tempatan untuk menjalankan aktiviti yang mereka sukai.

Pada waktu sekarang, tempat ini masih lagi popular dan tradisional bazar masih lagi beroperasi dan dikunjungi oleh penduduk tempatan. Walau bagaimanapun, keadaan ini amat dikhuatiri akan terjejas sekiranya tiada tindakan pencegahan diambil bagi mengenalpasti kepentingan elemen tersebut agar dapat dikekalkan dan dipulihara agar aktiviti masyarakat dan identiti tempat (*place identity*) setempat dapat dikekalkan. Kita tidak mahu memori dan perasaan memiliki tempat (*place belongingness*) penduduk terhadap tempat tinggal mereka hilang dan berubah kerana jika tidak tempat tersebut menjadi kurang bermakna lagi.

### 1.3 Lopong Kajian

Terdapat banyak kajian tentang perlekatan tempat (*place attachment*) daripada pelbagai latar belakang seperti rekabentuk bandar dan perancangan bandar, arkitek landskap, dan psikologi persekitaran. Antaranya ialah Hernandez (2007), Hernandez (2010), Soini *et al.* (2012), Lewicka (2008), Nielsen-Pincus *et al.* (2010), Shuhana (2011), Shuhana dan Norsidah (2008), Norsidah (2008) dan Scannell (2010). Berdasarkan kepada perbezaan antara konteks kajian, kajian ini akan memberikan perhatian kepada perasaan penduduk, nilai dan interaksi sosial terhadap elemen fizikal di dalam bandaraya bersejarah Melaka. Tambahan pula kajian ini berkenaan dengan perasaan setempat (*placeness*) akan dapat menjadi satu rujukan untuk merekabentuk ruang sosial dan struktur fizikal di dalam bandaraya bersejarah.

### 1.4 Matlamat Kajian

Kajian ini dijalankan bertujuan untuk mengetahui kepentingan pasar besar dan bazar dalam mempromosikan identiti tempat bagi penduduk-penduduk tempatan dalam bandar bersejarah Melaka. Bagi menilai kepentingan ini, penilaian dibuat menerusi kognisi penduduk, elemen fizikal, dan interaksi sosial dalam menentukan pasar besar dan bazar menyumbang kepada identiti tempat.

### 1.5 Objektif Kajian

Objektif kajian dititikberatkan sebagai sasaran utama dalam proses kajian supaya kajian yang dilakukan bersesuaian dengan matlamat kajian yang ingin dicapai. Dalam kajian ini, objektif berikut telah dikenalpasti:

1. Mengenalpasti faktor-faktor yang mempengaruhi '*placeness*' dan '*placelessness*' bagi pasar besar dan bazar di Kampung Jawa, Melaka.



## 1.6 Persoalan Kajian

1. Apakah kepentingan pasar besar dan bazar terhadap perkembangan aktiviti penduduk tempatan di Kampung Jawa, Melaka?
2. Bagaimanakah pasar besar dan bazar membentuk '*place belongingness*' terhadap penduduk tempatan?
3. Bagaimanakah tahap '*place attachment*' di antara penduduk tempatan terhadap pasar besar dan bazar?
4. Bagaimanakah '*place connectedness*' boleh meningkatkan aktiviti penduduk sekitar?

## 1.7 Skop Kajian


Kajian ini memberi fokus kepada peranan elemen fizikal di dalam bandaraya bersejarah Melaka. Oleh sebab itu, Kampung Jawa dipilih sebagai kes kajian kerana latar belakang sejarah sebagai pusat membeli-belah yang utama pada ketika itu dengan wujudnya pasar besar dan bazar yang terkenal yang memberikan identiti tempat (*place identity*) kepada penduduk tempatan. Seterusnya, kajian ini juga meneliti pembolehubah yang mempengaruhi '*sense of place*' di dalam kawasan kajian. Pembolehubah yang digunakan dalam kajian ini ialah dimensi bagi perlekatan tempat (*place attachment*). Pemahaman terhadap pembolehubah ini adalah bertujuan untuk mengukur tahap samada kawasan ini masih lagi mempunyai '*sense of place*' ataupun mengalami '*placelessness*'.

## 1.8 Batasan Kajian

Batasan bagi kajian ini adalah untuk mendalami kawasan kajian dengan lebih mendalam. Ini kerana salah satu daripada elemen fizikal yang dikaji iaitu pasar besar telah dirobohkan dan dipindahkan ke tempat lain iaitu Melaka Sentral. Hanya bazar yang masih tinggal dikawasan Kampung Jawa walaupun telah mengalami kebakaran dan dibaikpulih semula. Oleh sebab itu, ini sedikit sebanyak akan mempengaruhi responden dalam menjawab borang kajiselidik yang diberikan kerana mereka tidak nampak lagi elemen berkenaan di depan mata mereka. Pada masa yang sama borang kaji selidik juga akan diberikan kepada spesifik responden iaitu penduduk Kampung Jawa

## 1.9 Kaedah Kajian

Rekabentuk kajian adalah untuk mengenalpasti faktor-faktor yang mempengaruhi '*placeness*' atau '*placelessness*' di Kampung Jawa. Kajian kes ini dipilih untuk membantu dalam mengumpul data kuantitatif dan kualitatif untuk melengkapkan kajian ini. Proses metodologi kajian akan direncanakan supaya melalui proses kajian yang betul dengan data primer dikumpulkan menerusi pemerhatian, borang kaji selidik dan juga temubual. Prosedur keseluruhan kaedah kajian ditunjukkan seperti Rajah 1.1 dan perbincangan terperinci mengenai metodologi kajian akan dijelaskan dalam Bab 3.



## 1.10 Struktur Disertasi

Struktur disertasi penting untuk memudahkan pembaca untuk mengikut aliran kajian ini. Laporan ini dibahagikan kepada empat bab sepertimana dibincangkan seperti berikut:

### i. Bab 1: Pendahuluan

Bab pendahuluan ini akan menekankan latar belakang kajian yang disokong oleh pernyataan masalah, lopong kajian, mengenalpasti matlamat dan objektif kajian, persoalan kajian, skop kajian dan batasan dalam menjalankan kajian. Di samping itu, penerangan ringkas mengenai kaedah kajian beserta dengan carta alir kaedah kajian.

### ii. Bab 2: Kajian Literatur

Bab ini adalah untuk mengkaji dan menerangkan teori berkenaan dengan topik kajian melalui kajian terdahulu yang terkini dan merujuk kepada sumber sekunder seperti jurnal, buku, laporan dan artikel. Kesemua kajian literatur ini akan membantu dalam menentukan definisi dan konsep serta perbezaanya seperti '*placeness*' dan '*placelessness*', '*place identity*' dan '*identity of place*', tempat awam dan ruang awam. Selain daripada itu, bab ini juga akan menerangkan tentang pembolehubah-pembolehubah yang akan digunakan di dalam bab berikutnya iaitu '*place attachment*', '*place memory*', '*place connectedness*', '*place dependence*', '*place belongingness*', '*place rootedness*' dan '*place satisfaction*', dan '*place familiarity*'.

### iii. Bab 3: Metodologi Kajian

Kajian kes yang dijalankan untuk menjalankan kajian ini ialah Kampung Jawa, Melaka yang mempunyai dua elemen fizikal yang penting iaitu pasar besar dan juga bazar. Kajian lapangan dijalankan untuk mengumpul data primer menerusi pemerhatian, borang kajiselidik dan juga temubual. Data ini membantu untuk bahagian analisis, penemuan dan perbincangan.

iv. Bab 4: Analisis, Penemuan, Perbincangan dan Kesimpulan

Di dalam bab empat, data yang diperolehi akan dianalisis dan akan digunakan bagi tujuan perbincangan. Analisis terhadap data kuantitatif (borang kajiselidik) dan data kualitatif (temubual) serta pemerhatian (gambar interaksi penduduk terhadap elemen) akan dapat menjelaskan faktor '*placeness*' atau '*placelessness*' di kawasan kajian. Bab ini juga akan dimasukkan bahagian kesimpulan untuk merumuskan keseluruhan hasil kajian. Implikasi daripada teori, penemuan dan perbincangan akan diterjemahkan di dalam kesimpulan mengenai pembolehubah-pembolehubah yang digunakan dalam menentukan tahap '*place attachment*' kawasan kajian.

### 1.11 Kesimpulan

Secara kesimpulannya, kajian ini amat penting bagi pemeliharaan '*place identity*' yang juga boleh memainkan peranan sebagai mekanisma di dalam pendidikan masyarakat Malaysia khususnya para pelajar dan penyelidik. Pelbagai ilmu yang boleh diperolehi dari mengkaji dan memahami situasi masyarakat tempatan yang mempunyai hubungan yang unik dengan elemen-elemen yang terdapat di bandar-bandar terutamanya bandaraya bersejarah. Bab seterusnya adalah berkenaan kajian literatur yang merangkumi aspek definisi serta konsep tempat, karakter dan '*identity of place*', '*placeness*' dan '*placelessness*' serta struktur teori bagi '*place attachment*' yang menyumbang kepada identiti sesuatu tempat.

## RUJUKAN

- Abd. Majid, M. Z. dan McCaffer, R. (1997). *Discussion of Work Performance of Maintenance Contractors in Saudi Arabia*. Journal of Management in Engineering ASCE, Vol. 13, No. 5, Pg. 91.
- Antonsich, M. (2010). *Meanings of Place and Aspects of the Self: An Interdisciplinary and Empirical Account*. University of Birmingham, Birmingham, UK: GeoJournal 75, 119–132.
- Barber, B. K. dan Schluterman, J. M. (2008). *Connectedness in the Lives of Children and Adolescents: A Call for Greater Conceptual Clarity*. Journal of Adolescent Health 43, 209–216.
- Birkeland, I. (2008). *Cultural Sustainability: Industrialism, Placelessness and the Re-animation of Place*. Norway: Department of Geography.
- Brockelman, T. (2003). *Lost in Place? On the Virtues and Vices of Edward Casey's Anti-Modernism*. Le Moyne College. Vol. 16, No. 1.
- Brittain, K. et al. (2010). *Ageing in Place and Technologies of Place: The Lived Experience of People with Dementia in Changing Social, Physical and Technological Environments*. Journal of Sociology of Health & Illness Vol. 32, No. 2, 272–287.
- Buettner, D. (2010). *Thrive: Finding Happiness the Blue Zones Way*. Washington, D.C: National Geographic.
- Carmona, M. et al. (2003). *Public Places-Urban Spaces: The Dimension of Urban Design*. Architectural Press.
- Chapman, R. L. (2006). *Confessions of a Malthusian Restrictionist*. Ecological Economics 59, 214-219.
- Chow, K. dan Healey, M. (2008). *Place Attachment and Place Identity: First-year Undergraduates Making the Transition from Home to University*. Journal of Environmental Psychology 28, 362-372.
- Cresswell, T. (2009). *Place*. UK: University of London.

- Davis, P., Huang, H., dan Liu, W. (2010). *Heritage, Local Communities and the Safeguarding of 'Spirit of Place' in Taiwan*. *Museum and Society*, 8(2) 80-89.
- Droseltis, O. dan Vignoles, V. L. (2010). *Towards an Integrative Model of Place Identification: Dimensionality and Predictors of Intrapersonal-level Place Preferences*. *Journal of Environmental Psychology* 30, 23-34.
- Efroymson, D. *et al.* (2009). *Public Spaces: How They Humanize Cities*. HealthBridge - WBB Trust, Dhaka.
- Escobar, A. (2011). *Culture Sits in Places: Reflections on Globalism and Subaltern Strategies of Localization*. *Political Geography*. Page 139–174.
- Eyles, J. dan Williams, A. (2008). *Sense of Place, Health and Quality of Life*. Ashgate, Hampshire.
- Evans, R. (2007). *Delivering Quality Places: Urban Design Compendium 2*. English Partnerships. The Housing Corporation.
- Filmer, A. R. (2006). *Backstage Space: The Place of the Performer*. University of Sydney: Department of Performance Studies.
- Galway, N. and Mceldowney, M. (2007). *Place and Special Places: Innovations in Conservation Practice in Northern Ireland*. *Planning Theory & Practice*, Vol. 7, No. 4. 397-420.
- Hallak, R., Brown, G. dan Lindsay, N. J. (2012). *The Place Identity Performance Relationship among Tourism Entrepreneurs: A structural equation modelling analysis*. *Tourism Management* 33, 143-154.
- Halpenny, E.A. (2006). *Environmental Behaviour, Place Attachment and Park Visitation: A Case Study of Visitors to Point Pele National Park*. Doctoral Thesis, University of Waterloo.
- Hammit, W. E. *et al.* (2006). *Place Bonding for Recreation Places: Conceptual and Empirical Development*. *Leisure Studies*. 25, 17-41.
- Hauge, A.L. (2007). *Identity and Place: A Critical Comparison of Three Identity Theories*. High Beam Research. Michigan: Gale Group.
- Hernandez, B. *et al.* (2007). *Place attachment and place identity in natives and non-natives*. *Journal of Environmental Psychology* 27, 310-319.
- Hernandez, B. *et al.* (2010). *The Role of Place Identity and Place Attachment in Breaking Environmental Protection Laws*. *Journal of Environmental Psychology* 30, 281-288.

- Ismail, S. (2011). *Place and Placelessness in Urban Context: An Overview on Urban Sustainability*. Landscape Architecture Seminar UTM: Department of Landscape Architecture, Faculty of Built Environment.
- Ismail, S. dan Nor Zalina, H. (2011). *Factors Attributed to Placelessness of a Public Place in Historic Town of Penang, Malaysia*. Department of Landscape Architecture, Faculty of Built Environment, Universiti Teknologi Malaysia.
- Jenny, E. (2011). *Faktor-Faktor Pembentuk Identitas Suatu Tempat*. Fakultas Teknik Universiti Brawijaya: Vol. III (2), 1-9.
- Khalilah, Z. (2006). *Refining Tourist's Place Experience Through Placemaking: A Case Study on Middle East Tourists in Kuala Lumpur City Centre*. UTM Skudai. Faculty of Built Environment.
- Kim Hyeon-Yeop dan Choi Chang-Gyu (2011). *Relationship between Cognition of Placeness Factors and Use Characteristics - The Case of Cultural District of Daehak Street in Seoul*. Institute for Land and Urban Planning. Journal of Land planning. Page 7-20.
- Knez, I. (2005). *Attachment and Identity as Related to a Place and its Perceived Climate*. Journal of Environmental Psychology 25, 207-218.
- Koya Vaka'uta, C. F. (2012). *Cyberspace, Place, Identity & Relationships: Are we Digitizing the Vā?*. International Conference on ICT & Oceanian Cultures, University of the South Pacific Laucala Campus, Suva Fiji.
- Kupfer, J. (2007). *Mobility, Portability and Placelessness*. Journal of Aesthetic Education, 41(1), 38-50.
- Lee Nam-Hwi dan Choi Chang-Gyu (2011). *Causality of Placeness Formation by Using Structural Equation Modeling: The Case of Hongik University Area in Korea*. Institute for Land and Urban Planning. Journal of Land planning. Page 19-36.
- Lee, S. (2009). *Narrated Landscape as Counterweight to Perception of Placelessness in Contemporary Urban Landscape: Re-Visioning Place in Gwangbok-Dong and Nampo-Dong, Busan, South Korea*. PhD Dissertation at University of Illinois, Urban-Champaign.
- Lengen, C. dan Kistemann, T. (2012). *Sense of Place and Place Identity: Review of Neuroscientific Evidence*. Journal of Health & Place.



- Lewicka, M. (2008). *Place Attachment, Place Identity, and Place Memory: Restoring the Forgotten City Past*. *Journal of Environmental Psychology* 28, 209–231.
- Lewicka, M. (2005). *Ways to make people active: Role of place attachment, cultural capital and neighborhood ties*. *Journal of Environmental Psychology*, 4, 381–395.
- Low, S., Taplin, D., dan Scheld, S. (2006). *Rethinking Urban Parks: Public Space and Cultural Diversity*. Austin: University of Texas.
- MacLean, K. (2006). *Making a Place for Placelessness*. Newsletter of the Institute for Comparative and International Studies at Emory University.
- Majang, L. (2009). *Mengkaji Kesan Kewujudan Hypermarket Terhadap Golongan Peruncit Kajian Kes: Jusco Taman Universiti dan U Mall Taman Pulai Utama*. UTM Skudai.
- Manzo, L. C. (2005). *For Better or Worse: Exploring Multiple Dimensions of Place Meaning*. *Journal of Environmental Psychology* 25, 67–86.
- Mina, N. dan Mustafa, K. (2011). *The Concept of Place and Sense of Place in Architectural Studies*. *International Journal of Human and Social Sciences*.
- Mowla, Q.A (2006). *Memory Association in Place Making: Understanding an Urban Space*. *Protibesh*, 10(1), 42-51.
- Muminovid, M. (2011). *Continuity, Change and Identity of the Place – A Case Study of the Yanesen Area in Tokyo*. Keio University, Japan.
- Nadia, A. W. et al. (2011). *Restoring “Genus Loci” in Kampung Jawa, Historic City of Melaka Buffer Zone*. APSA Congress.
- Ng, S.H. et al. (2005). *People living in ageing buildings: Their Quality of Life and Sense of Belonging*. *Journal of Environmental Psychology* 25, 347–360.
- Nielsen-Pincus, M. et al. (2010). *Socio Demographic Effects on Place Bonding*. *Journal of Environmental Psychology* 30, 443–454.
- Norsidah, U. (2007). *Place Attachment, Familiarity and Sustainability of Urban Place Identity*. Department of Landscape Architecture. UPM, Selangor.
- Norsidah, U. (2010). *Place Attachment and Continuity of Urban Place Identity*. Department of Landscape Architecture. UPM, Selangor.
- Nor Zalina, H. (2011). *Place Attachment and Meaning of Padang as a Public Space in Historical Cities of Malaysia*. UTM Skudai.

- Planning Officers' Society (2004). *Moving Towards Excellence in Planning: Public Places and Open Spaces*.
- Pretty, G. H., Chipuer, H. M. dan Bramston, P. (2003), *Sense of Place Amongst Adolescents and Adults in Two Rural Australian Towns: The Discriminating Features of Place Attachment, Sense of Community and Place Dependence in Relation to Place Identity*. *Journal of Environmental Psychology*.
- Ratz, R. R. (2008), *Making Place in the Street: The Nashville Urban Design*. The University of Georgia.
- Raymond, C. M. et al. (2010). *The Measurement of Place Attachment: Personal, Community, and Environmental Connections*. *Journal of Environmental Psychology* 30, 422-434.
- Rollero, C. dan Piccoli, N. D. (2010). *Place Attachment, Identification and Environment Perception: An Empirical Study*. *Journal of Environmental Psychology* 30, 198–205.
- Sandhu, K. S. dan Wheatley, P. (1983). *Melaka the Transformation of a Malay Capital c. 1400-1980. Volume One*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Scannell, L. dan Gifford, R. (2010). *Defining Place Attachment: A Tripartite Organizing Framework*. *Journal of Environmental Psychology* 30, 1-10.
- Semken, S. dan Freeman, C. B. (2008). *Sense of Place in the Practice and Assessment of Place-Based Science Teaching*. Arizona State University, USA: School of Earth and Space Exploration and Center for Research on Education in Science, Mathematics, Engineering, and Technology.
- Shamsul Amri, B. dan Mohamad Fauzi, S. (2007). *Bandar Sebagai Cermin Identiti Bangsa: Perbandingan Awal antara Jakarta dan Kuala Lumpur*. *UKM Bangi: Akademika* 70, 3-19.
- Shin Jung-Ran dan Choi Chang-Gyu (2010). *Impacts of Human Factors on the Placeness in the Hongik University Area*. Institute for Land and Urban Planning. *Journal of Land planning*. Page 5-20.
- Shuhana, S. (2011). *Townscape Revisited: Unravelling the Character of the Historic Townscape in Malaysia*. UTM Skudai.
- Shuhana, S. dan Norsidah, U. (2008). *Making Places: The Role of Attachment in Creating the Sense of Place for Traditional Streets in Malaysia*. UPM Selangor: *Habitat International* 32, 399-409.

- Smaldone, D. (2006). *The Role of time in Place Attachment*. Northeastern Recreation Research Symposium.
- Smith, M. (2005). *Space, Place, and Placelessness in the culturally regenerated city. Cultural tourism: Global and local perspectives*. Routledge.
- Smith, J. L. et al. (2011). *Place meanings and desired management outcomes*. Landscape and Urban Planning. Page 359–370.
- Sobel, E. W. (2011). *Where the River Deepens: Exploring Place-Based Relationships Through the Swimming Hole Experience*. University of Vermont.
- Soini, K. et al. (2012). *Residents' sense of place and landscape perceptions at the rural–urban interface*. Journal of Landscape and Urban Planning. Page 124-134.
- Swiatek-Odien, M. A. (2012). *The Effects of Shopping Environments on Place Identity*. UMI Dissertation Publishing.
- Tussyadiah I.P. dan Zach F.J. (2012). *The Role of Geo-Based Technology in Place Experiences*. Annals of Tourism Research 39, 780–800.
- Wahlstedt, A., Pekkola, S. dan Niemela, M. (2008). *From E-learning Space to E-learning Place*. British Journal of Educational Technology, Vol 36 No 6.
- Waller, S. (2006). *Cultural Planning*. Community Art Network Western Australia Ltd. Vol. 23, Issue 2.
- Wallner, M. (2010). *Relph's Concept of Placelessness in Comparison with Weil's Concept of Uprootedness and Evernden's Concept of Natural Alienation*. Uppsala Universiti.
- Waxman, L. K. (2004). *More than Coffee: An Examination of People, Place, and Community with Implications for Design*. The Florida State University.
- Weller, R. (2008). *Landscape (Sub) Urbanism in Theory and Practice*. Landscape Journal 27, 2–08.
- Wynveen, C. J. et al. (2007). *Exploring the Effect of Experience use History and Place Bonding on Resource Substitution*. Northeastern Recreation Research Symposium.
- Wynveen, C. J., Kyle, G. T. dan Theodori, G. L. (2010). *Place Bonding and Trust: The Case of Feral Hog Management Surrounding Big Thicket National Preserve*. Journal of Rural Social Sciences, 25(2), 58–80.

- Yatmo, Y. A. (2009). *Perception of Street Vendors as 'Out of Place' Urban Elements at Day Time and Night Time*. *Journal of Environmental Psychology*, 467- 476.
- Yuen, B. (2005). *Searching for Place Identity in Singapore*. *Habitat International* 29, 197-214.
- Yuksel, A. *et al.* (2010). *Destination Attachment: Effects on Customer Satisfaction and Cognitive, Affective and Conative Loyalty*. *Journal of Tourism Management* 31, 274-284.
- Zaidah, Z. (2007). *Case Study as a Research Method*. *Jurnal Kemanusiaan* 9, 1-6.